

08 Oktober, 2010 22:31 PM

Malaysia Sebagai Hab Penerbitan Asia Dibincang Pada Pameran Buku Frankfurt

Oleh Manik Mehta

FRANKFURT, 8 Okt (Bernama) -- Perbincangan mengenai Malaysia berlangsung pada forum Pameran Buku Antarabangsa Frankfurt yang membabitkan isu dagangan dan hab hakcipta.

Peserta pameran dari Malaysia juga menonjol pada pameran berkenaan dengan mempamerkan produk mereka dan juga usaha meletakkan negara sebagai hab penerbitan Asia Tenggara.

Kontingen Malaysia terdiri daripada 17 syarikat yang mempamerkan produk dengan enam di bawah naungan Perbadanan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade). Sebelas lagi secara sendiri sebagai pelawat perdagangan, penerbit dan ejen pada pameran buku terbesar dunia itu.

Panel perbincangan terdiri daripada Arndt Graf, profesor bagi kajian Asia Tenggara di Goethe University, Frankfurt, Mohd Sabri Abdul Rahman, Pesuruhjaya Perdagangan Malaysia di Frankfurt dan Ariel Hakim Sani Rahmat, pengarah urusan PTS Millenia Pte. Ltd.

Terdapat sesi soal jawab diketuai oleh Adibah Omar, penolong pengarah di sekretariat Majlis Buku Negara Malaysia, Kementerian Pelajaran.

Graf berkata kerajaan Malaysia melabur dengan banyak dalam pendidikan dan mewujudkan infrastruktur penyelidikan yang maju.

Sabri pula menjelaskan mengenai peranan Matrade dalam menggalakkan perniagaan penerbitan dan menyeru penerbit Jerman dan Eropah agar mendapatkan bimbingan dan bantuan organisasi dalam mencari rakan kongsi Malaysia yang bersesuaian.

Arief, yang juga setiausaha kehormat Persatuan Penerbit Malaysia berkata industri buku Malaysia berkembang pesat dengan 168 penerbit dan hampir 16,000 judul diterbitkan pada 2009.

"Hab yang kami jangkakan bagi Malaysia ialah tempat pertemuan untuk penerbit, penulis, ejen sastera, penterjemah dan semua profesional terlibat dalam perniagaan penerbitan dari Malaysia, ASEAN dan global," jelas beliau kepada Bernama di pavilion Malaysia di pameran itu.

Beliau berkata pusat hak cipta dan perdagangan, yang ditubuhkan sempena Pameran Buku Antarabangsa Kuala Lumpur mulai 20-23 April tahun depan, tidak akan hanya menyaksikan penyertaan kebanyakan penerbit Malaysia tetapi juga banyak peserta utama dari rantau ASEAN.

"Nasihat saya kepada penerbit luar ialah, bukan melihat pada Malaysia sahaja tetapi juga ke seluruh Asia Tenggara, yang merupakan pasaran yang besar," katanya.

Pameran Buku Frankfurt bermula dari 6 hingga 10 Okt.

-- BERNAMA